



PERDANA
Menteri Datuk Seri
Najib Tun Razak
turut melawat
ruang pameran
Colgate-Palmolive
sewaktu Forum
Halal Sedunia di
Kuala Lumpur.

Colgate menang anugerah kemasyarakatan

KUALA LUMPUR – Colgate-Palmolive Marketing (M) Sdn. Bhd. telah menerima pengiktirafan bagi usaha pembangunan masyarakat melalui Anugerah Journal Halal di bawah kategori Kemasyarakatan dan Persekitaran (sebelum ini dikenali sebagai Anugerah Tanggungjawab Korporat Yang Terbaik).

Pengiktirafan itu diberikan sempena Forum Halal Sedunia di sini baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Issam Bachaalani berkata, pihaknya amat bangga kerana menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dengan menawarkan khidmat bukan sahaja sebagai pembekal yang dipercayai dalam penjagaan mulut, penjagaan peribadi dan produk-produk rumah untuk beberapa generasi, tetapi turut menyumbang

kepada masyarakat melalui pelbagai program kemasyarakatan dan amal.

“Colgate mempunyai komitmen yang kukuh terhadap tanggungjawab sosial terutama dalam bidang kesihatan dan pendidikan. Anugerah berprestij ini merupakan satu penghormatan untuk kami,” ujarnya.

Program kemasyarakatan Colgate merangkumi pelbagai aktiviti tahunan. Ini termasuklah program Bright Smiles dan Bright Futures yang telah lama berjalan dan Bulan Kesihatan Mulut.